


KEPADA
sesetengah wanita,
PID berlaku
mungkin akibat
keguguran atau
melahirkan anak.

Bacaan kesihatan

Oleh YEO LI SHIAN
ylshian@kosmo.com.my



Tajuk: *Heal Yourself*
ISBN: 1-84400-287-x
Penulis: Nikki Bradford
Penerbit: Quadrille Publishing Ltd
Genre: Alternatif

Ulasan:

Apakah persamaan antara bunga Bluebell, Monkey Flower dan Rosa Alba? Jawabnya, ketiga-tiga tumbuhan ini memiliki kebaikan untuk dijadikan pati atau esen bunga.

Terapi esen bunga merupakan perubatan alternatif abad ke-21. Mungkin ramal yang tidak ketahuhi bahawa terapi jenis ini bukan sahaja dapat merawat pelbagai komplikasi fizikal, mental dan emosi bermula dari sindrom prahaid ke depresi dan daripada masalah seksual kepada kesukaran untuk tidur.

Buku tulisan Nikki Bradford ini disertakan dengan 150 jenis esen dari

Bakteria punca PID

KOSMO 10/01/07 MS 31

Kesakitan penyakit inflamatori pelvik (PID) yang melampau lazimnya disusuli dengan kedatangan haid yang banyak dan senggugut yang teruk.

PENYAKIT inflamatori pelvik (PID) merupakan sejenis penyakit infeksi yang berasal dari pintu rahim – pangkal rahim, rahim dan tiub fallopio. Kadangkala, infeksi ini juga melibatkan ovari.

Bakteria dan mikroorganisma yang lain mencari laluan dari faraj, pangkal rahim sehingga ke organ reproduksi dalaman. Jangkitan bakteria akan menyebabkan organ-organ tersebut dan kawasan sekitarnya bernanah. Keadaan ini biasanya berlaku dalam tiub fallopio.

Punca PID?

Kepada sesetengah wanita, PID berlaku mungkin akibat keguguran atau bersalin. Kadangkala, PID juga boleh dijangkiti melalui hubungan kelamin. Tetapi, tiada penyebab spesifik yang diketahui. Bakteria yang menyebabkan PID adalah chlamydia.

Apakah simptom-simptom PID?

PID akan mengakibatkan kesakitan pada sebelah kanan, sebelah kiri atau kedua-dua bahagian abdomen. Pada masa yang sama, ia juga akan menyebabkan demam panas dan ketidakselesaan keseluruhan. Akhirnya, PID akan disusuli dengan kedatangan haid yang banyak dan sengugut yang teruk.

Cara PID mendiagnosis?

Semasa pemeriksaan pelvik, doktor akan mengesan ketegangan dan kadangkala ketumbuhan pada bahagian berhampiran rahim, ini berkemungkinan disebabkan oleh PID. Ujian darah juga dapat mengesan PID.



SAKIT PUAN bersama
DR. MAHES SITHAMPALAM
Pakar Perunding Perbidanan
dan Ginekologi, Hospital Damai
Service, Kuala Lumpur

Kebiasaannya, simptom-simptom jangkitan dapat menentukan sama ada pesakit dijangkiti PID. Tetapi, kadangkala, pesakit mungkin perlu menjalani pemeriksaan dalaman iaitu ujian laparoscopi untuk mengesan perubahan yang disebabkan oleh jangkitan chlamydia.

Sampel tisu juga perlu diambil dari pangkal rahim untuk menentukan organisma yang bertanggungjawab terhadap jangkitan itu.

Bagaimanakah PID dirawat?

Lazimnya, doktor akan memberikan antibiotik dan menasihatkan pesakit berehat di rumah. Kebanyakan jangkitan bakteria sembuh dalam masa antara satu hingga dua minggu.

Walaupun bagaimanapun, jika simptom-simptom masih ada, mungkin jangkitan itu masih tidak dirawat sepenuhnya, jadi adalah perlu untuk berjumpa doktor sekali lagi.

Jika jangkitan chlamydia dikesan pada suami atau teman seksual seseorang wanita itu, maka lelaki itu juga perlu menerima rawatan.

Komplikasi akibat PID

Walaupun PID secara umumnya tidak

berbahaya, tetapi jika tidak dirawat, ia boleh menyebabkan tiub fallopio rosak selama-lamanya. Ini akan menyukarkan penemuan telur dan sperma yang akan meningkatkan risiko ketidaksuburan atau kehamilan ektopik.

Jika tidak mendapat rawatan awal, jangkitan bakteria akan memburukkan lagi sistem reproduksi wanita. Ada kemungkinan menyebabkan kehilangan tiub fallopio, ovari atau rahim secara keseluruhan. Mujurlah, ramai wanita mendapat rawatan pada peringkat awal jangkitan. Dengan ini, risiko kehilangan sebahagian sistem reproduksi dapat dikurangkan.



PID yang tidak dirawat awal boleh meningkatkan kehamilan ektopik.

serata dunia dan menerangkan kesan serta penggunaannya dalam pelbagai kaedah penyembuhan.

Disertai gambar-gambar menarik bagi memudahkan pembaca mengenali jenis bunga yang dinyatakan, buku *Heal Yourself* ini membantu anda memahami bagaimana esen bunga boleh memberi perubahan atau kelayakan kepada tahap kesihatan anda.

Buku ini boleh didapati di semua kedai-kedai buku utama di seluruh negara. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Pansing Marketing Sdn. Bhd. di alamat enquiry@pansing.com.